

KERATAN AKHBAR



SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO	
TARIKH	:	14/11/2018	MUKA SURAT : 48
JABATAN	:	PERHUTANAN	
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN	

PULIHARA HUTAN PAYA GAMBUT

Noriza Sainal
am@hmetro.com.my

Demam memelihara dan memulihara kawasan ekosistem Hutan Simpan

Kuala Langat Utara (HSKLU), Selangor, BOH Plantations dan Global Environment Centre (GEC) bekerjasama dengan 200 sukarelawan terdiri daripada murid SK (Asli) Busut Baru, SK (Asli) Bukit Cheeding, masyarakat setempat, badan bukan kerajaan (NGO), agensi kerajaan dan syarikat swasta bersama-sama menyelamatkan hutan paya gambut HSKLU baru ini.

Inisiatif membabitkan program penanaman pokok dan Sahabat Hutan Gambut Kuala Langat Utara (SHGKLU) itu menanam 600 anak pokok tenggek burung atau dengan nama saintifiknya, *Melicope lunu-ankenda*, di keluasan satu hektar Kompleks Hutan 6 HSKLU.

Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Selangor, Datuk Dr Mohd Puat Dahalan yang merasmikan pelancaran itu berkata, dengan menyumbang untuk pemuliharaan dan pemulihan ekosistem hutan paya bakau yang unik di Malaysia melalui penanaman pokok ini juga

600 anak pokok tenggek burung ditanam di kawasan seluas satu hektar di HSKLU

RUSSELL (tengah)
menunjukkan anak pokok tenggek burung yang ditanam sempena kempen kesedaran.



penting buat masyarakat Orang Asli yang menetap di kawasan itu kerana ia sumber keberagaman mereka.

Sementara itu, Pengarah GEC Fatzal Parish yang turut hadir dalam perasmian program itu berkata, ia adalah platform untuk masyarakat pribumi

membabitkan diri secara aktif dalam pemuliharaan tanah gambut terdegradasi, aktiviti zon penanaman dan pelan pengurusan kebakaran hutan di HSKLU.

"Gambut adalah pengumpulan sebahagian tumbuhan mati atau organik yang unik untuk



FOTO BOH PLANTATIONS DAN GLOBAL ENVIRONMENT CENTRE

SERAMAI 200 sukarelawan terlibat dalam program pemuliharaan dan pemuliharaan ekosistem hutan paya gambut di HSKLU.

kawasan semula jadi dipanggil tanah gambut.

"Malah gambut yang mengandungi 90 peratus air dan 10 peratus bahan organik sukar dipadam apabila berlaku kebakaran kerana ia terbakar di permukaan yang dalam, selain aktiviti perparitan menjadi punca kemusnahan dan kebakaran," katanya.

Program kesedaran terhadap alam sekitar itu turut disertai dengan acara menarik dengan melancarkan SHGKLU sebagai pelindung paya gambut membolehkan dua perkampungan Orang Asli, iaitu Kampung Bukit Cheeding dan Kampung

Pulau Kempas.

Sementara itu, Timbalan Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif BOH Plantations, Caroline Russell yang turut serta dalam penanaman anak pokok tenggek burung berkata, hutan paya gambut pasti dapat dipelihara dan diselamatkan dengan bantuan masyarakat dan golongan muda negara ini.

"Pihak kami (BOH) berasa terharu menjadi sebahagian daripada perubahan alam sekitar yang positif melalui projek rakan kongsi, pihak berkuasa tempatan dan masyarakat setempat yang berjaya direalisasikan

sejak bekerjasama dengan GEC tiga tahun lalu," katanya dalam satu kenyataan.

Selain BOH Plantations dan GEC, syarikat peneraju pembangunan hartanah, Gamuda Land turut berkolaborasi bersama GEC untuk menyokong inisiatif pemuliharaan Hutan Simpan Kuala Langat Utara menerusi program pemuliharaan sejak 2015 selain menganjurkan projek pencegahan kebakaran berasaskan komuniti untuk mengurangkan risiko kebakaran hutan dan memelihara hutan paya gambut HSKLU.